

UMP terima pelajar pertama

Orang Asli



MASLINDA (tengah) bergambar bersama fasilitator selepas mendaftar sebagai pelajar di UMP, Kuantan semalam.

Oleh SHAHRULANOOR ISHAK

shahrulanoor.ishak@kosmo.com.my

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencipta sejarah apabila menerima pelajar Orang Asli pertamanya bagi Sesi 2008/2009.

Maslinda Samad, 20, dari Pos Telanok, Cameron Highlands ditawarkan mengikuti pengajian bagi Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek di Fakulti Pembuatan dan Pengurusan Teknologi.

Pengambilan beliau untuk mengikuti pengajian di universiti itu dibuat berdasarkan keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan purata mata gred terkumpul (CGPA) 2.75 sewaktu menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands tahun lalu.

Lebih bertuah, beliau juga merupakan antara 270 mahasiswa yang terpilih bagi mengikuti pengambilan sulung kursus baru ter-

sebut yang ditawarkan pihak UMP.

"Saya sangat gembira selepas mendapat tahu diterima masuk ke UMP.

"Bukan itu sahaja, saya juga berasa bangga kerana menjadi anak Orang Asli pertama diterima masuk ke UMP," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Daing Ibrahim berkata, seramai 2,030 penuntut baru mendaftar diri bagi Sesi 2008/2009, meningkat 720 orang berbanding 1,310 bagi sesi sebelum ini.

Menurut beliau, peningkatan jumlah penuntut itu menunjukkan UMP semakin mendapat tempat di kalangan pelajar lepasan sekolah untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Semua pelajar baru akan mengikuti Minggu Induksi Siswa (MINDS) yang merangkumi taklimat serta penerangan mengenai universiti di samping peluang menyertai pelbagai aktiviti lain yang disediakan," kata beliau.